



## GST: BERSEDIakah MALAYSIA?

**Pada** buln ini (1 April), bermulalah pelaksanaan sistem cukai barangan dan perkhidmatan (CBP) menggantikan cukai jualan dan cukai perkhidmatan (SST). Selepas ditangguhkan pelaksanaannya sebelum ini, kerajaan Persekutuan akhirnya memutuskan untuk melaksanakannya. Kerajaan sebelum ini memberikan 18 bulan tempoh masa yang diberikan untuk rakyat Malaysia agar bersedia dengan pelaksanaan CBP.

ROHAMI SHAFIE

**S**EBELUM ini, CBP dimasukkan beberapa kali dalam Belanjanan Negara oleh Menteri Kewangan Malaysia. Pertama kali CBP disebut pada 21 Oktober 1988 dalam Belanjanan 1989. Ketika itu, Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin, menyebut istilah cukai nilai ditambah (VAT). CBP ialah VAT. Hal ini kerana cukai tersebut dikenakan pada pelbagai peringkat bagi setiap penderangan yang memberikan nilai tambah kepada produk berkenaan. Dengan kata lain, setiap peringkat penderangan akan dikenakan cukai. Pihak pembekal pula dibenarkan untuk menuntut semula CBP yang dibayar bagi setiap penderangan.

Pada awal tahun 1989, terdapat hanya 39 buah negara yang melaksanakan CBP. Jumlah tersebut meningkat dengan ketara pada penghujung tahun 2014 apabila terdapat lebih 160 buah negara mula melaksanakannya. Yang menariknya, pada era Tun Daim Zainuddin, beliau sudah berhujah bahawa CBP lebih adil dan holistik berbanding dengan cukai jualan. Atas kesedaran bahawa negara perlu mengukuhkan sumber pendapatan dan pada masa yang sama, terdapat kekurangan dalam sistem percukaian yang sedia ada yang menyebabkan kerajaan kehilangan sumber pendapatan, maka CBP sewajarnya dipertimbangkan untuk meneruskan kemapanan kewangan negara. Kerajaan ketika itu mengetahui bahawa terdapat kemungkinan harga barangan pengguna akan meningkat dan pada masa yang sama, menandakan bahawa golongan berpendapatan rendah dan industri kecil-kecilan tidak terkesan ekoran pelaksanaan CBP. Kajian perlu dilakukan bagi mengenal pasti implikasi CBP.

Pada 30 Oktober 1992, sekali lagi kerajaan melalui Menteri Kewangan ketika itu, Dato' Seri Anwar Ibrahim menegaskan kemungkinan CBP akan dilaksanakan. Meskipun istilah CBP tidak disebut secara khusus, kerajaan

berhasrat untuk mengintegrasikan dan menyatukan sistem percukaian kepada cukai jualan dan cukai perkhidmatan di bawah kadar 10 peratus yang digunakan dalam cukai jualan. Pembaharuan sistem percukaian ini bagi membolehkannya relevan dan mengikut keadaan keperluan negara dan rakyat. Malah sistem percukaian berasaskan penggunaan dikatakan dapat memberikan kesan yang positif kepada simpanan dan sebarang pelaburan tinggi.

Selepas lebih 10 tahun istilah cukai kepenggunaan dan CBP tidak disuarakan di Parlimen, sekali lagi sistem tersebut diutarakan dalam Belanjanan 2005. Perdana Menteri ketika merangkap Menteri Kewangan, Tun Abdullah Badawi, menjelaskan bahawa CBP merupakan sistem percukaian yang lebih adil, cekap, dan berorientasikan perniagaan yang mampu memberikan kesan yang positif kepada sumber pendapatan negara. Maka panel kajian semula sistem percukaian diwujudkan yang bertujuan untuk mengkaji sistem percukaian di bawah Akta Percukaian 1967. Tidak cukup dengan itu, istilah CBP mula digunakan secara khusus untuk merujuk cukai kepenggunaan. Sebelum ini, istilah CBP lebih sinonim digunakan untuk merujuk cukai kepenggunaan. Pada 1 Januari 2007 dicadangkan dalam Belanjanan 2005 agar kerajaan melaksanakan CBP. Setelah mengambil kira pelbagai faktor, pelaksanaan CBP ditunda sekali lagi sebaik-baik keputusan pilihan raya umum (PRU) ke-12 menyaksikan buat pertama kalinya kerajaan Persekutuan yang dikuasai parti Barisan Nasional (BN) tidak dapat menguasai dua pertiga kerusi Parlimen Malaysia.

Ketika Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak memegang tampuk pemerintahan Malaysia sebagai Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, CBP mula disebut kembali dalam Belanjanan 2010. Namun begitu, CBP sekali lagi

tidak dapat dilaksanakan seawal yang mungkin, hanya menerusi Belanjawan 2014, iaitu selepas PRU ke-13, barulah kerajaan benar-benar yakin untuk melaksanakan CBP. Perdana Menteri menegaskan bahawa CBP bukanlah sistem percutaian yang baharu dan tidak perlu dipolemikkan seolah-olah CBP membebaskan rakyat. Lebih penting lagi, CBP bukanlah sistem percutaian tambahan.

Faktor utama CBP wajar dilaksanakan adalah untuk mempelbagaikan sumber pendapatan negara yang selama ini terlalu bergantung pada cukai, dividen, dan royalti hasil minyak. Sebagai sebuah negara yang menuju negara berpendapatan tinggi, mahu tidak mahu, sumber kewangan negara mestilah kukuh dan mampan. Lebih-lebih lagi dengan keadaan harga minyak dunia yang tidak begitu stabil menyebabkan sumber kewangan kerajaan sukar dijangka.

Lantaran itu, baru-baru ini kerajaan terpaksa menyemak semula Belanjawan 2015 ekoran kejatuhan harga minyak dunia yang rendah berbanding dengan harga minyak dunia yang tinggi semasa Belanjawan 2015 diumumkan. Keadaan pastinya semakin parah sekiranya sumber pendapatan negara terlalu bergantung pada hasil industri minyak. Menyedari hakikat ini, maka kerajaan bertindak mempelbagaikan sumber pendapatan negara dengan memberikan tumpuan terhadap industri perkhidmatan. Pada masa yang sama, sumber minyak akan semakin berkurangan pada masa akan datang.

Dalam apa-apa juga keadaan, hasil negara yang terlalu tertumpu pada sumber tunggal sudah tentulah boleh memudaratkan sesebuah negara. Misalnya, jika sesebuah negara terlalu tertumpu pada hasil industri pelancongan, sebarang krisis dunia berlaku menyebabkan pelancong mula menghadkan perbelanjaan pelancongan mereka. Hal tersebut pastinya memberikan tekanan besar terhadap negara yang terlibat. Namun begitu, jika negara berkenaan mempunyai hasil daripada sumber industri yang lain, maka kebimbangan terhadap pengurangan hasil negara melalui pelancongan tidaklah begitu ketara. Sebarang kekurangan daripada hasil industri pelancongan akan ditampung oleh hasil sumber yang lain.

Ketika terdapat kelemahan dalam sistem percutaian negara yang menyebabkan sumber pendapatan negara tidak mampu kekal mampan, misalnya sistem percutaian berganda dirasai rakyat Malaysia apabila menggunakan sistem percutaian yang sedia ada. Hal ini menunjukkan ketidakcekapan sistem percutaian yang selama ini diamalkan melalui SST berbanding dengan CBP. Pada masa yang sama, CBP dapat menangani sebarang aktiviti untuk mengelak daripada membayar cukai.

Melalui CBP, tiada sesiapa boleh mengatakan bahawa mereka terlepas daripada membayar cukai. Hal ini dikatakan demikian kerana cukai kepenggunaan lebih meluas, maka pastinya difahami bahawa barangan dan perkhidmatan turut termaktub dalam CBP. Dengan kata lain, ekonomi terselindung mampu ditangani dengan baik agar tidak berlaku sebarang kegiatan yang menyalahi undang-undang negara, sekali gus dapat mengurangkan pelbagai isu yang

mengurangkan hasil negara, seperti ketirisan, penyeludupan, dan isu yang berkaitan dengan pemindahan harga. Kegiatan haram, seperti penyeludupan rokok ternyata merugikan negara apabila penyeludup rokok, lari daripada membayar cukai dengan cara mengelak dikenakan daripada pihak berkuasa. Sering kali juga pihak Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDRM) bertungkus-lumus membanteras aktiviti penyeludupan seperti ini terutamanya di sempadan Malaysia. Dengan mekanisme percutaian yang lebih baik dan cekap, kakitangan JKDRM dapat beralih kepada kerja lain yang lebih memberikan kesan terhadap produktiviti JKDRM.

Ketika negara menuju sebuah negara maju berpendapatan tinggi, sudah tentulah pertumbuhan ekonomi negara perlu dikekalkan. Bahkan populasi Malaysia yang semakin meningkat, iaitu kira-kira 30 juta orang, hal ini sedikit banyak memerlukan kerajaan mencari sumber pendapatan alternatif. Tanpa hasil yang banyak, pertumbuhan ekonomi sukar dipertahankan. Tidak terkecuali kekurangan sumber turut menyebabkan pengagihan peruntukan tidak dapat dilakukan dengan lebih baik kepada rakyat yang memerlukannya. Setidak-tidaknya, peningkatan hasil kerajaan melalui CBP dapat menampung pembayaran Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) yang secara khususnya disasarkan kepada golongan berpendapatan rendah.

Sementara itu, jika berlaku sebarang bencana banjir sebagaimana yang berlaku pada penghujung tahun lalu, maka kerajaan memerlukan dana yang besar untuk menyalurkan bantuan kewangan kepada mangsa banjir. Proses pemulihan selepas banjir melibatkan perbelanjaan yang besar seperti membina semula rumah, membaiki rumah yang rosak teruk, membeli barangan dan makanan untuk mangsa banjir. Tidak terkecuali bantuan pakaian sekolah baharu untuk anak mangsa banjir agar mereka tetap meneruskan pembelajaran meskipun dalam keadaan yang pada asalnya serba kekurangan. Semua perbelanjaan ini pastinya memerlukan perbelanjaan besar. Oleh itu, melalui hasil CBP peruntukan kewangan yang lebih tinggi dapat disalurkan kepada rakyat yang benar-benar memerlukan.

Asas percutaian yang lebih meluas dan menyeluruh menguntungkan banyak pihak. Secara rasionalnya, mereka yang berpendapatan tinggi lebih banyak berbelanja daripada mereka yang berpendapatan rendah. Secara tidak langsung, jumlah kutipan cukai datang daripada sumber pendapatan golongan berpendapatan tinggi berbanding dengan golongan berpendapatan rendah. Inilah yang dikatakan sebagai sistem percutaian yang lebih adil dan menyeluruh.

#### Kategori CBP

Umumnya sesebuah perniagaan yang mempunyai hasil jualan tahunan sebanyak RM500 ribu dan ke atas diwajibkan mendaftar dengan JKDRM. Tidak kira apa-apa pun barangan yang dijual dan perkhidmatan yang disediakan kepada pihak lain, entiti perniagaan yang memenuhi syarat berkenaan perlu memenuhi tanggungjawab membayar

cukai. Lebih-lebih lagi jika mereka terlibat dengan perniagaan barangan dan perkhidmatan yang dikenakan CBP pada kadar enam peratus, antaranya syarikat yang menjual barangan elektrik, pakaian dan perabot. Kadar enam peratus merupakan antara kadar yang terendah dalam kalangan negara dunia yang melaksanakan CBP. Bahkan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) mengakui bahawa pelaksanaan CBP di Malaysia adalah progresif, iaitu berorientasikan golongan berpendapatan rendah kerana golongan inilah yang bakal diilindungi dan mendapat pelbagai manfaat melalui CBP.

Terdapat juga kategori barangan dan perkhidmatan yang dikecualikan CBP, iaitu perkhidmatan hospital swasta, pengangkutan awam, seperti kereta api, feri, bot, kewangan, pendidikan swasta, bas sekolah, teksi dan sewa kereta, serta tanah pertanian. Dalam kategori ini, pembekal dikenakan CBP, tetapi tuntutan tidak boleh dibuat kepada kerajaan terhadap pembayaran CBP berkenaan.

Kategori seterusnya melibatkan barangan yang berkadar sifar antaranya, produk pertanian, sayuran segar, barangan dan perkhidmatan yang dieksport, barangan makanan seperti tepung, gula, garam dan minyak masak, haiwan ternakan seperti kambing dan lembu, ayam, itik dan telur serta makanan laut seperti ikan, udang, sotong dan siput. Bagi kategori ini, tuntutan CBP oleh peniaga boleh

**Jadual 1** Pengiraan CBP bagi barangan dan perkhidmatan yang dikenakan CBP enam peratus (contoh).

	Pengilang (RM)	Pembarang (RM)	Peruncit (RM)	Pembeli (RM)
Kos Pembekal	-	1100.00	1760.00	
Kos Sendiri	1000.00	500.00	600.00	
		1600.00	2360.00	
Untung (10%)	100.00	160.00	236.00	
Harga Jualan Tanpa CBP	1100.00	1760.00	2596.00	2596.00
CBP (6%)	66.00	105.60	155.76	155.76
Harga Jualan Dengan CBP	1166.00	1865.60	2751.76	2751.76

**Jadual 3** Pengiraan CBP bagi barangan dan perkhidmatan yang dikecualikan CBP (contoh).

	Pembekal (RM)	Hospital (RM)	Pelanggan (RM)
Kos pembekal	-	530.00	
Kos sendiri	500.00	100.00	
Harga jualan tanpa CBP	500.00	630.00	630.00
CBP (6%)	30.00	-	
Harga jualan dengan CBP/tanpa CBP	530.00	630.00	

dilakukan. Tuntutan CBP ini dikenali sebagai kredit cukai. Sementara itu, tiada sebarang CBP dikenakan terhadap pembeli. Pendek kata, CBP yang dikenakan berkadar sifar.

#### Pengiraan CBP

Jadual 1, Jadual 2, dan Jadual 3 merupakan pengiraan kategori CBP. Jadual 1 menunjukkan bahawa harga akhir yang perlu dibayar oleh pembeli ialah RM2751.76. Pada peringkat pengilang, pembeli dan peruncit, bayaran CBP yang dibayar oleh mereka boleh dituntut kembali. Misalnya, harga air minuman berkarbonat dan mineral yang dijual di restoran yang layak berdaftar di bawah CBP. Harga produk yang dijual kepada pengguna ialah sebanyak RM1.40. Harga ini termasuklah cukai jualan sebanyak 10 peratus dan cukai perkhidmatan sebanyak enam peratus. Harga RM1.40 ini jauh lebih tinggi berbanding dengan hanya RM1.27 apabila CBP dilaksanakan. Oleh itu, CBP membolehkan pengguna menikmati harga produk yang lebih rendah.

Jadual 3 menggambarkan bahawa pembekal dikenakan CBP, namun jumlah CBP tidak boleh dituntut kembali oleh mereka. Maka kos pembekal bagi pihak hospital swasta termasuk CBP yang dibayar oleh pembekal. Namun begitu, pihak hospital dikecualikan daripada CBP, maka jumlah bayaran yang perlu dibayar oleh pelanggan ialah RM630.

**Jadual 2** Pengiraan harga produk sebelum dan selepas pelaksanaan CBP (contoh).

	Sebelum (RM)	Selepas (RM)
Harga jualan oleh pengilang		
Cukai jualan (10%) atau CBP (6%)	1.00	1.00
Harga dibayar oleh peruncit	0.10	0.06
Kredit cukai input	1.10	1.06
Kos peruncit	-	-0.06
Untung peruncit (20%)	1.10	1.00
Harga jualan tanpa CBP	0.22	0.2
Cukai perkhidmatan dan CBP (6%)	1.32	1.2
Harga jualan kepada pembeli	0.079	0.072
Cukai perkhidmatan dan CBP (6%)	1.40	1.27
Harga jualan kepada pembeli	1.40	1.27

## Impak CBP

Menjelang tahun 2020, kerajaan menyasarkan belanjawan negara berada pada kedudukan yang berimbang. Kedudukan kewangan negara hanya dapat dicapai sekiranya kedudukan fiskal negara berada pada kedudukan yang kukuh. Melalui CBP, hasil negara pada tahun ini dijangkakan meningkat sehingga RM23.2 bilion. Jumlah ini termasuklah hasil daripada SST yang akan ditolak bersama-sama dengan hasil yang tidak dapat dikutip kerana pengecualian CBP terhadap sebilangan barangan. Akhrianya sebanyak RM5.6 bilion CBP akan dikutip oleh kerajaan.

Jumlah tersebut dijangka mampu menampung defisit fiskal. Namun begitu, disebabkan bencana banjir besar yang berlaku pada penghujung tahun lalu, sasaran defisit fiskal sebanyak tiga peratus disemak semula kepada 3.2 peratus. Melalui CBP, kerajaan mempunyai lebih banyak wang untuk menampung perbelanjaan negara. Dengan ini, defisit fiskal akan beransur-ansur kurang hingga tahun 2020.

Kedudukan kewangan negara yang kukuh akan memberikan keyakinan kepada pelabur untuk melabur di negara ini. Malah sudah tentulah agensi penarafan antarabangsa juga akan memberikan penarafan yang lebih tinggi terhadap kedudukan kewangan negara. Implikasinya, kadar mata wang Malaysia akan semakin tinggi dan pada masa yang sama akan meracakkan urusan niaga Bursa Malaysia. Secara tidak langsung, lebih banyak pelabur dan negara berminat untuk berurusan niaga di Malaysia. Kesan rantaianya, lebih banyak peluang pekerjaan yang mempunyai nilai tambah tinggi untuk rakyat Malaysia. Hal ini pastinya memberikan kebaikan terhadap keseluruhan ekosistem ekonomi Malaysia yang bukan setakat berada pada kedudukan yang paling kukuh tetapi mampu kekal mampan selepas tahun 2020. Inilah impak besar yang diasaskan oleh kerajaan.

Mungkin ada yang berhujah bahawa harga barangan dan perkhidmatan akan meningkat selepas pelaksanaan CBP. Sememangnya kerajaan mengakui terdapat barangan dan perkhidmatan yang akan mengalami peningkatan harga. Walau bagaimanapun, kesannya hanyalah dalam jangka masa yang pendek. Terdapat banyak barangan dan perkhidmatan yang akan mengalami penurunan harga selepas CBP dilaksanakan. Misalnya, dalam Belanjawan 2015, terdapat 532 barang atau 56 peratus bakal mengalami penurunan harga sehingga 4.1 peratus. Hanya 354 jenis barang dan perkhidmatan yang bakal mengalami kenaikan harga sehingga 5.8 peratus.

Tidak dinafikan bahawa sentimen pengguna rakyat Malaysia sengaja dimainkan-mainkan oleh segelintir pihak khususnya peniaga yang mengiklankan tawaran harga yang kononnya lebih murah sebelum CBP dilaksanakan. Tujuannya adalah untuk melariskan jualan mereka dengan mengambil kesempatan terhadap pelaksanaan CBP. Malah ada dalam kalangan mereka menguar-uarkan kononnya harga produk mereka akan meningkat lebih tinggi sebaik-baik CBP dilaksanakan. Hal ini sekali gus menyebabkan pengguna berpusing-pusing membeli barangan sebelum CBP

dilaksanakan. Implikasinya, perbelanjaan dan kewangan pengguna akan terjejas.

Bagi mengekang aktiviti ekonomi yang kurang sihat ini, kerajaan menggunakan pendekatan undang-undang dengan mengambil tindakan terhadap peniaga yang sengaja menggunakan alasan CBP untuk meningkatkan harga jualan produk mereka. Melalui Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011, kerajaan sewajarnya bertindak tegas terhadap peniaga yang terlalu tamak demi mengaut keuntungan diri sendiri.

Dua kos ini memberikan kesan langsung dan tidak langsung terhadap kos sesuatu produk. Jika kedua-duanya mengalami penurunan, pastinya kos untuk sesuatu produk yang dikeluarkan mahupun dijual kepada pengguna akan lebih rendah. Dalam hal ini, harga jualan juga sewajarnya lebih murah berbanding dengan sebelumnya. Malangnya, harga kebanyakan produk masih tinggi dan selepas didesak oleh kerajaan baharulah segelintir peniaga yang bertanggungjawab bertindak menurunkan harga.

Selain itu, reaksi sebahagian rakyat Malaysia bahawa CBP menekan mereka juga perlu diurus oleh kerajaan. Jawatankuasa Pemantauan CBP ditubuhkan oleh kerajaan bagi menangani perkara kini dan pelbagai lagi isu yang berkisar dengan CBP. Antara kaedah terbaik bagi mengurus reaksi rakyat Malaysia terhadap CBP termasuklah dengan memastikan bahawa setiap hasil yang dikutip melalui CBP dipulangkan semula kepada rakyat dengan mengadakan pelbagai program dan aktiviti yang memberikan manfaat kepada rakyat. Wang ini perlu disalurkan dengan cekap dan berkesan agar tidak berlaku sebarang ketirisan dan pembaziran.

Bagi sektor korporat, dijangkakan pada masa hadapan, kerajaan menurunkan cukai korporat. Dengan peningkatan hasil melalui CBP, kerajaan berupaya untuk mengurangkan cukai korporat bagi menarik pelaburan langsung asing (FDI) dan pelaburan langsung domestik (DDI). Ketika ini cukai korporat di Malaysia berada pada kadar 24 peratus. Kadar ini kurang kompetitif berbanding dengan cukai korporat di Singapura. Cukai korporat yang tinggi merupakan antara faktor yang menyebabkan pelaburan beralih ke negara lain selain faktor kemahiran modal insan dan infrastruktur yang terbaik. Di samping itu, tidak mustahil kerajaan juga akan menurunkan cukai pendapatan individu selepas CBP berjaya dilaksanakan dengan baik.

## Pelaksanaan CBP di Luar Negara

Hong Kong antara negara yang membuat keputusan untuk tidak melaksanakan CBP walaupun negara tersebut pada mulanya ingin melaksanakannya. Hal itu bermula apabila perundingan selama sembilan bulan diberikan oleh kerajaan Hong Kong yang bermula pada pertengahan tahun 2006. Namun begitu, akibat desakan pelbagai pihak yang membantah CBP, pada penghujung tahun 2006, cadangan tersebut dibatalkan oleh kerajaan Hong Kong. Di Kanada, cadangan untuk melaksanakan CBP bermula pada penghujung tahun 1989. Bantahan demi bantahan

dibuat oleh pelbagai pihak di negara berkenaan. Namun begitu, CBP akhirnya berjaya dilaksanakan pada tahun 1991. Parti pemerintahan di Kanada yang melaksanakan CBP mengalami kekalahan teruk dalam pilihan raya pada tahun 1993. Hal ini kerana pihak pembangkang berkempen untuk memansuhkan CBP dan kempen tersebut ternyata berjaya memikat pengundi. Malangnya, selepas pembangkang membentuk kerajaan, CBP tetap diteruskan dengan menggunakan nama cukai yang berlainan.

Di Australia pula, CBP dilaksanakan pada 1 Julai 2000 selepas hampir 15 tahun rancangan pelaksanaannya. Ekoran pelbagai faktor, CBP tidak dapat dilaksanakan hinggalah John Howard menjadi Perdana Menteri Australia barulah cadangan tersebut berjaya direalisasikan. Sebagaimana Hong Kong dan Kanada, Australia juga tidak terlepas daripada bantahan oleh pelbagai pihak yang mahu menggagalkan pelaksanaan CBP. Kesan awal CBP di Australia menjurus pada pertumbuhan ekonomi yang perlahan dan kenaikan harga barangan hanyalah untuk tempoh sementara sahaja. Selepas tahun kedua pelaksanaan CBP, segalanya pulih seperti sedia kala, bahkan pertumbuhan pendapatan CBP yang semakin kukuh meningkatkan lagi hasil pendapatan Australia.

Di Singapura, CBP dilaksanakan bagi memacu daya saing negara tersebut. Sebelum CBP dilaksanakan pada 1 April 1994, cukai korporat dan cukai pendapatan individu mencatatkan jumlah yang terlalu tinggi hingga menyebabkan daya saing Singapura tidak dapat dipacu. Pengenalan CBP membolehkan kedua-dua cukai ini dapat diturunkan pada tahap terendah. CBP pada awalnya hanyalah pada kadar tiga peratus dan meningkat sedikit demi sedikit hingga pada kadar tujuh peratus pada masa sekarang. Tujuan awal CBP dikenakan pada kadar yang cukup rendah adalah bagi membolehkan rakyat Singapura dapat menyesuaikan diri dengan sistem percukaian tersebut. Dengan sokongan rakyat yang cukup tinggi kepada parti pemerintah, CBP dapat dilaksanakan dengan begitu lancar sekali tanpa ada sebarang bantahan besar daripada rakyat Singapura.

## Adakah Malaysia Bersedia?

Pelaksanaan CBP di Malaysia yang berasaskan satu kadar cukai untuk semua barangan dan perkhidmatan menjadi isu yang paling hangat diperkatakan. Kerajaan mengadakan pelbagai dialog, perbincangan, taklimat, seminar dan program penerangan CBP kepada semua pihak sama ada syarikat, badan bukan kerajaan (NGO) dan masyarakat umum. Sesi penerangan juga disampaikan melalui media massa seperti surat khabar dan televisyen. Usaha berterusan yang dijalankan oleh kerajaan untuk memberikan penerangan mengenai CBP dilakukan bukan setakat sebelum CBP dilaksanakan tetapi juga selepas CBP dilaksanakan. Kerajaan sendiri menambah peruntukan sehingga RM10 ribu kepada setiap NGO untuk memberikan taklimat CBP kepada orang ramai. Maka pendidikan CBP tetap diteruskan secara konsisten kerana kerana masih terdapat pihak yang

kurang memahami mengenai CBP. Malah isu CBP sering diputarbelit oleh pihak yang tidak bertanggungjawab bagi memperoleh laba tertentu yang menguntungkan diri sendiri.

Secara rasionalnya, mengapakah kebanyakan negara lain mengamalkan sistem CBP sekiranya CBP tidak memberikan manfaat kepada rakyat dan negara? Bahkan kerajaan juga mengumumkan pelbagai pakej istimewa untuk rakyat Malaysia seperti pengurangan cukai pendapatan individu daripada satu peratus hingga tiga peratus dan golongan berkecuali yang berpendapatan RM4000 sebulan tidak perlu lagi membayar cukai pendapatan. Kerajaan juga menstrukturkan semula pendapatan bercukai hingga mengurangkan sebanyak 5.3 peratus pembayaran cukai pendapatan individu. Insentif ini dapat membantu mengurangkan beban kenaikan harga barangan yang ditanggung oleh rakyat Malaysia selepas CBP dilaksanakan.

Pelbagai insentif turut diberikan oleh kerajaan sejak CBP diumumkan dalam Belanjawan 2014, antaranya termasuklah perbelanjaan latihan perakaunan dan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) berkaitan dengan CBP bagi tahun taksiran 2014 dan 2015 akan mendapat potongan cukai tambahan; geran latihan berjumlah RM100 juta untuk peniaga menghantar kakitangan mereka bagi menjalani latihan CBP bagi tahun 2013 dan 2014; dan bantuan kewangan untuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS) sebanyak RM150 juta bagi pembelian perisian perakaunan untuk tahun 2014 dan tahun 2015.

Meskipun begitu, sehingga Mac lalu masih terdapat 50 ribu peniaga yang layak mendaftar CBP tetapi tidak berbuat demikian terutamanya syarikat peruncitan. Timbul pelbagai persoalan mengapakah mereka tidak mendaftar walhal mereka juga bakal memperoleh manfaat melalui pelaksanaan CBP? Mahu tidak mahu kerajaan terpaksa mengambil tindakan terhadap mereka dengan mendaftarkan syarikat berkenaan secara paksaan jika mereka masih berdegil dan pada masa yang sama, mereka akan dikenakan denda sebanyak RM15 ribu bagi setiap peniagaan.

Semua pihak harus memahami CBP dan mentafsirkan CBP berasaskan pemahaman yang tepat. Sebarang kekeliruan perlu dirujuk kembali pada pihak yang terlibat secara langsung dengan CBP, khususnya JKDRM. JKDRM pula perlu berusaha menambah bilangan kakitangan dan pada masa yang sama, sentiasa memastikan kakitangannya terlatih dengan ilmu pengetahuan serta cekap menjalankan operasi CBP.

Situasi menang-menang akan dinikmati oleh semua pihak, baik pihak kerajaan, sektor korporat, peniagaan, NGO, dan masyarakat umum, semuanya bergantung pada sama ada kita dapat membuka minda secara terbuka atau tidak tanpa sikap sebarang prejudis terhadap sistem percukaian yang baharu untuk mentransformasikan Malaysia menjadi negara berpendapatan tinggi. Kejayaan pelaksanaan CBP terletak pada persediaan rapi kita untuk menyesuaikan diri dengan sistem percukaian baharu. Adakah rakyat Malaysia sudah bersedia? Kita harus bersedia! ■